

27 DEC 1996

SOROTAN AKHIR TAHUN: PENSEJAGATAN MENERUSI PERIKATAN

By: Jeffri Rafiee

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Setelah hampir satu dekad Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang mapan dan mencapai usia 40 tahun selepas merdeka, syarikat-syarikat tempatan kini kelihatan bertambah matang dan tindakan mereka mencerminkan tindakan orang-orang di sebaliknya.

Jika satu analogi boleh digunakan, maka "ikatan perkahwinan" merupakan arah aliran tahun ini. Urusan sedemikian membolehkan "pasangan baru" menjadi entiti yang lebih teguh dalam mengharungi cabaran yang lebih sengit di serata dunia.

Arah aliran baru ini menjanjikan keghairahan yang lebih dalam dunia korporat pada tahun-tahun akan datang kerana jalinan korporat atau perikatan strategik pastinya akan berkembang. Menerusi jalinan seumpama ini, lebih banyak lagi syarikat dapat berkepak untuk menghadapi saingan antarabangsa yang semakin bertambah.

Contoh ikatan korporat yang paling terbaru ialah cadangan penggabungan DCB Holdings Bhd milik Rashid Hussain Bhd dan Kwong Yik Bank Bhd milik Malayan Banking Bhd.

Urusan cadangan berkenaan yang membabitkan beribu juta ringgit berlaku ekoran saranan Bank Negara yang sering mengingatkan institusi-institusi kewangan supaya bergabung. Ini bertujuan menjadikan mereka lebih teguh dan bersiap sedia untuk mengharungi saingan bersama-sama dengan perbankan antarabangsa gergasi apabila Malaysia, lambat laun, akan membuka industri perkhidmatan kewangannya, mengikut Perjanjian Perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS).

Urusan RHB dengan Malayan Banking Bhd yang melupuskan kepentingannya sebanyak 75 peratus di dalam Kwong Yik Bank, besar kemungkinan menjadi perintis bagi bank-bank kecil untuk bergabung.

Sime Darby Bhd telahpun mengenalpasti Oriental Bank Bhd sebagai pasangan untuk memiliki United Malayan Banking Corporation Bhd (UMBC) atau kini dikenali sebagai Sime Bank Bhd.

Terdapat juga desas-desus tentang penggabungan antara Pacific Bank Bhd dan operasi Malaysia OCBC Bank Ltd yang berpangkalan di Singapura dan di antara Bank Islam Malaysia Bhd dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd.

Dan United Overseas Bank dari Singapura pula telah mengumumkan bahawa dua buah anak syarikat Malaysiannya, iaitu United Overseas Bank (M) Bhd dan Chung Khiaw Bank (M) Bhd, akan juga digabungkan.

Selain daripada masyarakat perbankan, jalinan juga sedang berlangsung dalam industri perkhidmatan telekomunikasi di negara ini dalam menghadapi persaingan sengit. Kerajaan pula menasihati industri berkenaan supaya diselaraskan kerana terdapat sebilangan besar pembekal perkhidmatan tersebut bagi penduduk Malaysia yang kecil seramai 20 juta orang.

Mendahului langkah ini ialah Telekom Malaysia Bhd yang membeli MRCB Telecommunications Sdn Bhd, sebelum ini pembekal PCN (rangkaiannya komunikasi peribadi) Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

Pemilikan tersebut memperkukuhkan kedudukan Telekom Malaysia dalam segmen telefon selular untuk menghadapi pencabar seperti Celcom, Adam dari Sapura dan Mutiara Telecom.

Binariang Sdn Bhd, sebuah syarikat yang dikuasai oleh jutawan Ananda Krishnan, telah melancarkan dua satelit, membuka tirai 30 saluran televisyen dan perkhidmatan radio di samping melaksanakan kontrak-kontrak untuk perkhidmatan talian tetap -- semua di dalam setahun.

Ananda mungkin tidak dapat menggerakkan Binariang kepada apa yang telah

dicapainya sekarang tanpa bantuan US West International, rakan kongsi yang memegang 20 peratus ekuiti, dan juga sokongan kerajaan.

Sokongan yang diberikan kerajaan termasuklah langganan menerusi bahagian pelaburannya, iaitu Khazanah Holdings Bhd, ekuiti 15 peratus di dalam Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, sebuah unit Binariang yang bergiat dalam menyediakan perkhidmatan televisyen dan radio.

Mengikuti jejak langkah Binariang dalam menarik syarikat-syarikat telekomunikasi dari negara-negara maju untuk berkongsi kepakaran dan pemindahan teknologi, Technology Resources Bhd (TRI) dan Mutiara Telecommunications Sdn Bhd juga mendapat rakan kongsi asing masing-masing.

Dalam hal TRI, pasangan seberang lautnya ialah Deutsche Telecom AG yang telah melanggan ekuiti sebanyak 21 peratus di dalam TRI. Bagi Mutiara Telecom pula, rakan kongsinya Swiss Telecom PTT telah melanggan ekuiti 30 peratus. Urusan bagi setiap ikatan seperti itu bernilai kira-kira RM700 juta. Sungguhpun arah aliran di kalangan syarikat telekomunikasi mengadakan perikatan dengan rakan kongsi asing, namun kumpulan Sapura pula mengambil cara yang lain dengan menggabungkan pembekal PCN-nya, Sapura Digital Sdn Bhd dan pembekal telefon pra bayaran Uniphone Sdn Bhd, dengan kumpulan Renong, Time Telecommunications Sdn Bhd yang memiliki rangkaian optik gentian yang termoden.

Urusan yang rumit itu bernilai RM1.2 bilion menghasilkan pengwujudan salah satu daripada kumpulan telekomunikasi yang terbesar dan paling teguh di Malaysia yang mempunyai pelbagai jenis lesen telekomunikasi.

Oleh kerana Malaysia sudahpun membenarkan syarikat-syarikat asing mengambil kepentingan firma-firma telekomunikasi tempatan, maka negara ini mungkin membuat tawaran untuk melonggarkan syarat industri telekom selanjutnya bagi menyelesaikan perjanjian telekomunikasi yang diilhamkan oleh negara-negara maju di bawah naungan Pertumbuhan Perdagangan Dunia.

Dalam industri kemudahan yang lain, -- penjanaan tenaga -- gambarannya tidaklah secerah yang diharapkan. Malah, agak gelap bagi Tenaga Nasional Bhd ekoran daripada gangguan bekalan elektrik di seluruh semenanjung yang berlaku Ogos lepas. Bagaimanapun, ia beransur pulih berikutan perlantikan Datuk Dr Tajuddin Ali sebagai pengerusi. Tajuddin telah menerajui Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) sehingga menjadikan institut tersebut sebuah korporat -- Sirim Bhd.

Sementara itu, impian YTL Corporation Bhd untuk menjadi pengeluar tenaga terbesar di dunia punah apabila ia membatalkan rancangannya untuk membeli Consolidated Electric Power Asia Ltd (Cepa) yang berpangkalan di Hong Kong.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan urusan itu sebagai yang baik tetapi terlepas setelah Khazanah dikritik kerana keputusannya menyalurkan pinjaman sejumlah RM2.5 bilion kepada YTL Corporation dalam usaha YTL menguasai Cepa.

Bagaimanapun, YTL Corporation meneruskan rancangannya untuk mengapungkan semua syarikat penjanaan tenaganya di serata dunia di bawah sebuah syarikat pegangan, YTL Power International, di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Penyenaraian berkemungkinan berlaku tahun depan.

Selain daripada dua loji tenaga elektrik yang beroperasi di Malaysia, YTL Corporation merancang pula untuk membina loji tenaga di China dan bergiat dalam pelaburan di seberang laut secara agresif setelah memiliki banyak wang tunai dan pengalaman dalam negeri hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara yang teguh dan mapan.

YTL Corporation sudahpun disenaraikan di BSKL dan mempunyai penyenaraian di peringkat menengah di Bursa Saham Tokyo.

Bagaimanapun, Ekran Bhd sibuk di dalam negeri sebagai pemaju utama empangan hidro elektrik Bakun berharga RM13.6 bilion. Pemaju tersebut menyerahkan kontrak utama untuk membina empangan raksasa kepada sebuah

konsortium Sweden-Switzerland Asea Brown Boveri, dan Companhia Brasileira de Projectos e Obras (CBPO) dari Brazil.

Selain daripada dua syarikat gergasi kejuruteraan seberang laut, banyak syarikat tempatan juga diberi tugas yang menguntungkan, terutamanya yang berkaitan dengan pengerusi eksekutif Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing. --

Tahun depan akan menyaksikan urusan pengapungan yang terbesar di Malaysia -- Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd, dengan tawaran awam awal sebanyak 1.5 bilion saham pada RM2 setiap satu.

Dalam industri pemunggahan dan sektor perkapalan, Mirzan Mahathir muncul sebagai peserta utama menerusi penyusunan semula yang rumit yang membabitkan Konsortium Perkapalan Bhd, Pacific Basin Bulk Shipping Ltd, DiPerdana Corporation Bhd dan anak-anak syarikat mereka.

Usahawan automotif Malaysia, Tan Sri Yahaya Ahmad, sementara itu mengambil langkah panjang apabila beliau memiliki kepentingan dalam syarikat pembuat kereta sport British, Lotus Group International.

Bagi kumpulan DRB-Hicom yang dikuasainya, ia masih merupakan perkembangan di dalam negeri. Kumpulan tersebut telah melancarkan Kriss -- motosikal nasional 110 cc dan berjaya memulakan syarikat penerbangan kumpulan itu, AirAsia Sdn Bhd.

Tahun ini juga menyaksikan kemunculan usahawan Abu Sahid Mohamed apabila beliau telah dipertanggungjawabkan untuk memulihkan Perjawa Steel Sdn Bhd yang dilaporkan menanggung kerugian RM2.98 bilion.

Abu Sahid yang memiliki Maju Holdings Sdn Bhd, yang kini menguasai kepentingan 51 peratus di dalam syarikat keluli milik kerajaan, mengalahkan syarikat-syarikat yang lebih terkenal seperti Renong Bhd, Wing Tiek Holdings Bhd dan Lion Group untuk melaksanakan tugas memulihkan Perwaja.

Khazanah juga bergiat cergas sebagai pelabur di dalam banyak bidang utama. Ia bukan sahaja bergiat cergas di dalam negeri dalam bidang teknologi tinggi, seperti rekaan wafer, tetapi juga di seberang laut seperti menyertai projek membuat kereta di China. -- BERNAMA

JR MA